



Kenyataan Media

OP OPTIK: MCMC SITA 10,000 PERALATAN TIDAK PATUH STANDARD

CYBERJAYA, 6 Januari 2026 -- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menjalankan operasi pemeriksaan (*Op Optik*) ke atas sebuah syarikat yang beroperasi di Klang dan Petaling Jaya, dipercayai terlibat dalam penjualan peralatan komunikasi tidak diperakui dan tidak mematuhi piawaian teknikal standard yang ditetapkan oleh MCMC.

Op Optik dilaksanakan susulan maklumat risikan hasil kerjasama strategik antara MCMC dengan SIRIM, dengan penglibatan seramai 69 pegawai. Operasi ini telah dijalankan baru-baru ini dan mengambil masa selama 19 jam, bermula dari pukul 12.00 tengah hari hingga 4.00 pagi.

Sebanyak 10,112 unit peralatan disyaki tidak diperakui telah disita dengan anggaran nilai RM1 juta. Antara peralatan yang disita termasuk kamera litar tertutup tanpa wayar (*wireless CCTV*) dan beberapa peralatan sokongan operasi premis termasuk komputer, mesin cetak, telefon bimbit dan *router* WiFi.

MCMC turut mendapati bahawa aktiviti pemasaran dan penjualan peralatan berkenaan dijalankan melalui pelbagai platform e-dagang dan media sosial.

Seramai 40 individu telah diambil keterangan awal, manakala sembilan (9) Notis Kehadiran telah dikeluarkan kepada individu termasuk pengarah syarikat, pengurus operasi, pembantu gudang, hos siaran langsung dan pencipta kandungan bagi menghadiri sesi rakaman percakapan di Ibu Pejabat MCMC, Cyberjaya.

Penjualan dan penggunaan kelengkapan komunikasi tidak diperakui berisiko menjejaskan keselamatan pengguna kerana tidak mematuhi piawaian teknikal, selain boleh mengganggu rangkaian perkhidmatan, menurunkan kualiti perkhidmatan dan mengancam integriti pasaran tempatan.

Kes disiasat di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (*Standard Teknik*) 2000 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM300,000 atau penjara sehingga tiga (3) tahun, atau kedua-duanya sekali.

MCMC menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dan dipertingkat dari semasa ke semasa bagi mengekang penjualan kelengkapan komunikasi tidak diperakui demi melindungi kepentingan pengguna.

LAMPIRAN GAMBAR



Op Optik dilaksanakan baru-baru ini di dua (2) lokasi berasingan iaitu sebuah gudang penyimpanan di Klang dan pejabat syarikat berkenaan di Petaling Jaya.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

